



**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT JABATAN
PERIKANAN MALAYSIA
BERITA PERIKANAN HARI INI**

**27 Februari 2025
28 Sya'ban 1446H**

Utusan Malaysia	• Beri perhatian serius isu keterjaminan makanan
Berita Harian	• Pulau Pinang masih teliti kajian projek terowong dasar laut
Harian Metro	•
Kosmo	• Program melepaskan ikan asli tempatan
Sinar Harian	• 10,000 udang harimau dilepaskan ke laut
The Star	•
New Straits Time	•
Nanyang Siang Pau	•
Malaysia Gazette	•
The Sun	•
Malaysiakini	•
Bernama	•
BenarNews Malaysia [Online]	•
Guan Ming Daily	•
Sabah Media	•

JENIS AKHBAR							MUKA SURAT	TARIKH
UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !	/	THE STAR		NANYANG SIANG PAU		
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY		
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI		
KATEGORI LIPUTAN :		POSITIF	/	NEGATIF		NEUTRAL	27	27.2.2025



BUNGBUKUSAN plastik berisi pelbagai benih ikan asli tempatan sedia untuk dilepaskan.

Program melepaskan ikan asli tempatan

27 Januari 2025

Oleh **Jegathisan Kartikar**

PADA 8 Februari lalu, telah berlangsung acara melepaskan spesies ikan asli tempatan di Sungai Kenaboi, Jelebu, Negeri Sembilan oleh Release Fish Back (RFB) iaitu sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang berpangkalan di Johor Bahru, Johor dengan kerjasama Jabatan Perikanan Negeri Sembilan. RFB bermatlamatkan untuk melestarikan semula sungai-sungai

di Malaysia yang diketahui semakin terancam dengan kebanyakan spesies ikan pendatang.

Antara objektif utama RFB adalah melepaskan spesies ikan asli tempatan di beberapa sungai dipilih. Buat masa sekarang, program melepaskan ikan asli tempatan dilakukan dua kali pada Februari setiap tahun di sungai-sungai terpilih di Negeri Sembilan dan Johor.

Walaupun pada awalnya program ini kurang mendapat sambutan dan sokongan, namun lama-kelamaan ia mula menjadi perhatian orang

ramai terutamanya pemancing dan sokongan daripada jabatan-jabatan kerajaan terbabit.

Di Sungai Kenaboi tempoh hari, sebanyak 25,000 ekor ikan spesies asli tempatan seperti baung, lampam, sebarau dan terbul telah berjaya dilepaskan dengan selamat.

Turut bersama di dalam program tersebut ialah Pengarah Perikanan Negeri Sembilan, Kasim Tawe; Ketua Cawangan Sumber Perikanan Tangkapan, Pejabat Perikanan Negeri



TAKLIMAT ringkas tentang program disampaikan oleh Pengasas RFB, Jagathisan Kartikar (kanan) kepada Kasim (dua dari kiri) dan Siew Leen (kiri).

Sembilan. Doreen Wee Siew Leen, Ketua Daerah Perikanan, Pejabat Perikanan Daerah Jelebu, Mohd. Azhar Jusoh dan Pengurus Kuala D'Limau Campsite, Aziz Said.

RFB mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua yang hadir dan memberikan sokongan kepada program ini.

Semoga lebih ramai lagi akan turut serta dalam program-program yang akan datang.

Selamatkan spesies ikan asli tempatan kita untuk generasi akan datang.



JENIS AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO !		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN	/	THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			22	27.2.2025



Farizan (dua dari kanan) menyaksikan pelepasan 10,000 udang harimau di perairan selatan Pulau Pinang.

10,000 udang harimau dilepaskan ke laut

SHIMS22

Sebanyak 42,000 udang harimau dan 25,000 ikan siakap akan dilepaskan secara berperingkat

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
GEORGE TOWN

Pelepasan kumpulan pertama 10,000 udang harimau di perairan Pulau Betong menandakan satu pencapaian penting dalam inisiatif Pelan Induk Pengembangan Ekologi Pulau Selatan (PEOM).

Ketua Pegawai Eksekutif Penang Infrastructure Corporation Sdn Bhd (PICSB), Datuk Seri Farizan Darus, berkata program berkenaan bertujuan memperkayakan sumber perikanan dan mengukuhkan usaha pemuliharaan marin.

Menurutnya, program pelepasan stok ini adalah komponen penting

dalam PEOM, selain memperkukuhkan komitmen terhadap pemuliharaan marin dan perikanan lestari.

"Program ini merupakan inisiatif perintis untuk menilai keberkesanan usaha pelepasan stok ikan dan udang di selatan Pulau Pinang.

"Hasil kajian ini akan memberi panduan berharga bagi usaha pemuliharaan pada masa hadapan," katanya menerusi satu kenyataan di sini pada Rabu.

Dalam pada itu, Farizan mengucapkan terima kasih kepada Pusat Kajian Samudera dan Pantai (CEMACS) Universiti Sains Malaysia (USM) atas kepakaran saintifik mereka membimbing inisiatif ini.

Mengulas lanjut, Farizan berkata, sebanyak 42,000 udang harimau dan 25,000 ikan siakap akan dilepaskan secara berperingkat di perairan sekitar Pulau Betong dan Pulau Kendi dalam tempoh lima bulan akan datang.

Katanya, inisiatif ini merupakan usaha kolaboratif melibatkan kerajaan negeri melalui pemaju projek Silicon Island Development Sdn Bhd, CEMACS dan agensi kerajaan berkaitan.

Sementara itu, Pengarah

CEMACS, Datuk Dr Aileen Tan berkata, pihaknya menekankan pertimbangan saintifik dan alam sekitar dalam program ini.

"Pemilihan spesies bagi program pelepasan stok ini dibuat berdasarkan kriteria ketat untuk memastikan keseimbangan ekologi dan kelestarian jangka panjang.

"Kami hanya memperkenalkan spesies asal mempunyai kadar kelangsungan hidup tinggi di perairan Pulau Pinang bagi memastikan usaha pelepasan stok ini tidak mengganggu ekosistem sedia ada.

"Pemantauan berterusan akan dijalankan untuk menilai keberkesanan inisiatif ini yang berpotensi menjadi asas kepada usaha pemuliharaan lebih meluas pada masa hadapan," katanya.

Selain itu, katanya, CEMACS juga akan meneruskan kajian bagi menilai kejayaan program pelepasan stok ini serta memahami dengan lebih mendalam corak pergerakan dan migrasi udang serta ikan yang dilepaskan melalui kajian genetik.

Exco Agroteknologi, Keselamatan Makanan dan Pembangunan Koperasi Negeri, Fahmi Zainol, berkata inisiatif itu sejajar dengan matlamat kerajaan negeri memastikan sumber perikanan mampan bagi komuniti pesisir pantai.

UTUSAN MALAYSIA	✓	KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN		SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		✓	NEGATIF		NEUTRAL			4	27.2.2025

Beri perhatian serius isu keterjaminan makanan

UMMS4

ROMPIN: Isu keterjaminan makanan memerlukan perhatian serius demi memastikan rakyat menikmati akses kepada makanan yang mencukupi, selamat dan berkhasiat.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi berkata, agenda keterjaminan makanan memerlukan pendekatan secara menyeluruh yang melibatkan kerjasama erat kerajaan, sektor swasta dan setiap individu.

Katanya, kerajaan pasti terus giat berusaha melalui pembangunan indikator khusus untuk mengukur tahap keterjaminan, memperkasa industri akuakultur dan memperluas sektor ruminan negara sebagai asas untuk sistem makanan yang kukuh.

“Kalau sebelum ini Felcra mengorak langkah besar dengan kejayaan dalam sektor ladang kelapa sawit, getah dan padi bagi mengurangkan jurang antara kawasan bandar dan luar bandar, kali ini Felcra terus membuka

lembaran baharu melalui penglibatan dalam ternakan ayam pedaging.

“Saya yakin, tersedianya kompleks ternakan ayam berskala besar ini akan menyumbang kepada peningkatan pengeluaran domestik, sekali gus memastikan kestabilan bekalan makanan negara.

“Tahniah Felcra Berhad atas kejayaan membangunkan Kompleks Ternakan Ayam Pedaging Secara Sistem Tertutup di Tanjung Seratus yang bakal menjadi projek perintis kepada lebih banyak ternakan ayam luar bandar,” katanya pada Majlis Perasmian Kompleks Ladang Ternakan Ayam Pedaging (Sistem Tertutup) Felcra Berhad di Tanjung Seratus di sini semalam.

Felcra Berhad menyasarkan pengeluaran ternakan ayam pedaging 1.5 juta ekor setahun melalui pembinaan kompleks tersebut yang mampu menternak sehingga 1.5 juta ekor ayam setahun.

Kompleks seluas 20.2343 hek-

tar itu beroperasi sepenuhnya pada Februari lalu dengan 10 buah reban ternakan yang setiap satu dapat menampung 30,000 ekor ayam setiap pusingan.

Projek mega ini dibangunkan menggunakan peruntukan geran berjumlah RM60 juta di bawah Rolling Plan 1, Rancangan Malaysia Ke-12.

Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah berkata, penternakan ayam seperti itu akan diperluaskan daripada semasa ke semasa menyaksikan dua lokasi baharu sedang giat membangunkan projek seperti itu di Lipis dan Bagan Datuk, Perak.

Katanya, seiring dengan Rancangan Malaysia Ke-13 (RMK13), beliau menyambut baik cadangan Felcra untuk menubuhkan Pusat Pemprosesan Minyak Masak di Bidor, Perak, menaiktaraf pusat benih padi menggunakan teknologi lestari, serta membina kilang pengampitan beras di Felcra Seberang Perak.

UTUSAN MALAYSIA		KOSMO!		THE STAR		NANYANG SIANG PAU		MUKA SURAT	TARIKH
BERITA HARIAN	/	SINAR HARIAN		THE SUN		ORIENTAL DAILY			
HARIAN METRO		NEW STRAITS TIMES		THE MALAY MAIL		PELBAGAI			
KATEGORI LIPUTAN: POSITIF		/	NEGATIF		NEUTRAL			6	27.2.2025

Pulau Pinang masih teliti kajian projek terowong dasar laut

Kajian kebolehlaksanaan projek terowong dasar laut di Pulau Pinang masih di peringkat penyelidikan.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Nga Kor Ming berkata projek itu bertujuan mengurangkan kesesakan lalu lintas teruk di Pulau Pinang.

Beliau berkata, setakat ini kerajaan negeri sedang memperhalusi beberapa perkara antaranya pembesaran pelabuhan North Butterworth Container Terminal (NBCT) yang membabitkan jajaran projek berkenaan.

"Kerajaan negeri masih dalam penelitian untuk mengambil kira pembesaran pelabuhan NBCT yang membabitkan jajaran projek terbabit memandangkan ia membabitkan kepentingan ramai pihak khususnya Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

"Perkara ini kerana terdapat pertindihan jajaran terowong dengan cadangan pembesaran NBCT secara berfasa oleh pihak SPPP dan kajian Pelan Induk Pembesaran NBCT terbabit memerlukan pertimbangan secara menyeluruh oleh kerajaan negeri bagi hala tuju perancangan seterusnya.

"Projek ini hanya akan dimulakan setelah perancangan jajaran diselesaikan," katanya melalui jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Dr Siti Mastura Muhammad (PN-Kepala Batas) yang meminta penjelasan mengenai status terkini kajian kebolehlaksanaan Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang.

Menjawab soalan Siti Mastura mengenai syor Majlis Pembangunan Fizikal Negara (MPFN) mengenai kebolehlaksanaan projek terbabit, Kor Ming berkata, Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) Bilai/2019 sudah mengemukakan pandangan pada 18 April 2019 seperti diperuntukkan di bawah Subseksyen 10(4) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 [Akta 172] sebelum diwartakan pada 24 Oktober 2019.

"Walaupun secara dasarnya projek sedemikian adalah tidak tertakluk untuk pertimbangan MPFN di bawah Akta 172, Kementerian ini berpandangan projek ini perlu dirujuk untuk pertimbangan dan nasihat MPFN memandangkan impak pembangunannya yang besar terutama impak ke atas alam sekitar dan kesan pembinaan terowong terhadap aktiviti perikanan," katanya.